

## BERITA HARI INI

**AKHBAR** : Berita Harian **TARIKH** : 17 Februari 2020  
**MUKA SURAT** : 4 **HARI** : Isnin  
**RUANGAN** : Nasional  
**TAJUK** : Terima maklum balas positif

# Terima maklum balas positif

Siri perjumpaan berkumpulan berjaya ubah salah faham pemilik tanah

Oleh Zanariah Abd Mutalib  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Samad, berkata siri perjumpaan secara berkumpulan dengan pemilik tanah Kampung Baru, di sini, berjaya mengubah salah faham mereka terhadap usaha kerajaan untuk membangunkan kawasan itu.

Beliau berkata, perjumpaan pihak Perbadanan Pembangunan Kampung Baru dengan kumpulan kecil penduduk itu masih berlangsung bagi membincangkan isu berbangkit berhubung pembelian tanah kawasan berkenaan.



Khalid menyampaikan hadiah cabutan bertuah motosikal kepada pemenang pada program Kenduri Rakyat Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di Kuala Lumpur, semalam.

"Setiap kali ada perjumpaan, kita nampak maklum balasnya positif. Orang yang selama ini ada salah faham, dia sudah fa-

membabitkan tanah keseluruhannya melebihi 32.3 hektar," katanya mengulas perkembangan isu pembangunan Kampung Baru pada sidang media selepas merasmikan Kenduri Rakyat Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 di sini, semalam.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan harga tawaran baharu pembelian tanah Kampung Baru bernilai RM1,000 setiap satu kaki persegi berbanding RM850 sebelum ini.

Bersandarkan harga baharu itu, RM850 secara pulangan tunai, manakala baki RM150 berbentuk pegangan saham dalam Syarikat Tujuan Khas (SPV) yang akan ditubuhkan kelak.

Sebelum ini, Khalid berkata, pihaknya optimis Pelan Pembangunan Kampung Baru akan dapat dimuktamadkan pada Jun ini berdasarkan maklum balas diterima daripada kalangan pemilik tanah di kawasan berkenaan.

ham yang kita cuba nak lakukan.

"Sekarang, (perjumpaan) sudah melebihi 50 peratus (pemilik)